



PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 3/1976

Lawatan Pegawai-pegawai Pejabat Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Ke Pejabat-pejabat Tanah

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu bahawa pada masa ini Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan mempunyai beberapa orang pegawai yang akan melawat pejabat-pejabat tanah untuk menjalankan kerja dengan tujuan untuk membantu dalam usaha memperkemaskan lagi pentadbiran tanah.

2. Pegawai-pegawai di Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan yang akan melawat pejabat-pejabat tanah adalah dan bahagian-bahagian seperti berikut:

- (i) Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasan;
- (ii) Bahagian Latihan;
- (iii) Bahagian Pasukan Petugas.

3. Pegawai-pegawai di Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasan akan melawat pejabat-pejabat tanah untuk mengetahui dan membaiki lagi hasil dan mutu kerja mereka. Kerja-kerja ini termasuklah:

- (i) Mengumpul dan menganalisa data mengenai hasil kerja Pejabat-pejabat Tanah dan membuat syor untuk menambah lagi hasil kerja itu;
- (ii) Mengumpul dan menganalisa data mengenai kerja yang tidak diselesaikan di Pejabat-pejabat Tanah dan membuat syor untuk menyelesaikan kerja-kerja itu;
- (iii) Mengumpul dan menganalisa data mengenai kakitangan di Pejabat-pejabat Tanah dan membuat syor untuk memperbaiki lagi kedudukan kakitangan;
- (iv) Mengumpul dan menganalisa maklumat-maklumat mengenai perkara-perkarã (selain dari (iii) di atas) yang mempengaruhi hasil dan mutu kerja di Pejabat-pejabat Tanah dan membuat syor untuk memperbaiki perkara itu;
- (v) Mengesani kesalahan-kesalahan yang dibuat dan menunjukkan kesalahan-kesalahan itu kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Pejabat Tanah serta memberitahu mereka cara-cara untuk membetulkannya;
- (vi) Menyedia dan memperkemaskan lagi prosedur-prosedur kerja untuk panduan Pejabat-pejabat Tanah;
- (vii) Membantu Pejabat-pejabat Tanah menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi;

(viii) Membawa ke perhatian Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dan Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri perkara-perkara dalam Undang-undang/Peraturan-peraturan yang didapati memerlukan pindaan.

4. Pegawai-pegawai di Bahagian Latihan akan melawat pejabat-pejabat tanah untuk mengkaji keperluan-keperluan latihan, menyediakan bahan-bahan syarahan dan juga untuk mengkaji kekesan (effectiveness) latihan yang telah diberi.

5. Pegawai-pegawai di Bahagian Pasukan Petugas pula akan melawat pejabat-pejabat tanah untuk mengikuti kemajuan yang telah dicapai oleh pejabat-pejabat tanah berhubung dengan pengeluaran hakmilik-hakmilik di kampung-kampung baru dan perkara-perkara lain yang ditugaskan.

6. Pegawai-pegawai tersebut akan memberitahu Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah tarikh mereka akan membuat lawatan.

7. Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diminta memberi kerjasama sepenuhnya kepada pegawai-pegawai ini.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan
Galian Persekutuan

P.T.TM 41/1970

Kuala Lumpur,
April, 1976